

Rabu – 06 November 2019

Halaman : 16

## Wujud pangkalan data Orang Asli

**Kementerian Kesihatan** mewujudkan pangkalan data komprehensif membabitkan Orang Asli dalam usaha memberikan imunisasi dan vaksinasi kepada masyarakat itu.

Menyatakan hal ini, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata kepentingannya giat mengesan masyarakat itu khususnya kanak-kanak bagi memastikan mereka mencapai imuniti kelompok iaitu sekurang-kurangnya 95 peratus kanak-kanak diimunisasi.

"Apa yang berlaku kepada Orang Asli suku Batek di Kuala Koh, Kelantan berpunca daripada mangsa tidak mendapat imuniti kelompok, maka berlaku kes (demam campak) seperti apa yang menimpah mereka," katanya.